



Jabatan Kerja Raya Malaysia

Panduan Permohonan Pensijilan Arkitek Senibina Landskap

Isi Kandungan

1.0	Pengenalan	2
2.0	Objektif.....	2
3.0	Tahap Pensijilan	2
4.0	Skop Pengetahuan dan Pengalaman.....	2
5.0	Syarat-syarat Permohonan	3
5.1	Syarat Permohonan Tahap 2.....	3
5.2	Syarat Permohonan Tahap 3.....	3
5.3	Syarat Permohonan Tahap 4.....	3
5.4	Syarat Permohonan Tahap 5.....	4
6.0	Kaedah Penilaian.....	4
7.0	Senarai Kursus	5
8.0	Cara Memohon	5
9.0	Senarai Semak Permohonan.....	6
10.0	Kamus panduan pengisian borang.....	7

1.0 Pengenalan

Program Pensijilan Arkitek ini adalah program di mana arkitek diberi pengiktirafan melalui pengalaman dan kemahiran tertentu yang ditunjukkan atau dilaksanakan serta telah menepati piawaian yang ditetapkan. Pengujudan program ini adalah untuk melengkapi usaha jabatan untuk menjadikan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Pusat Kecemerlangan dan rujukan di peringkat negara atau antarabangsa. Arkitek yang mendapat pensijilan di dalam bidang senibina landskap adalah mereka yang telah mempunyai pengalaman meluas di dalam bidang lanskap dan telah berjaya melalui asas latihan merangkumi pelaksanaan reka bentuk landskap, penyelesaian isu-isu reka bentuk landskap, pemahaman polisi dan praktis reka bentuk landskap bagi menjadikan mereka kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

2.0 Objektif

Program pensijilan ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

- i. Meningkatkan kompetensi dan kepakaran Arkitek dalam bidang senibina landskap serta memastikan setiap pegawai mencapai tahap kompetensi yang telah ditetapkan.
- ii. Mengiktiraf pengalaman dan pengetahuan dalam bidang landskap.
- iii. Melahirkan pakar dan penasihat dalam bidang senibina landskap untuk disiplin arkitek secara berperingkat dan sistematik.
- iv. Memperluaskan peluang pembangunan kerjaya di samping memberi keyakinan diri dan kepuasan kepada individu.

3.0 Tahap Pensijilan

Berdasarkan model kompetensi JKR yang boleh didapati daripada dokumen Competency Model & Dictionary Jabatan Kerja Raya (no. Rujukan JKR 29300 – 0006 – 11), tahap-tahap pensijilan telah dikenalpasti mengikut kompetensi yang telah ditetapkan. Pengelasan kompetensi adalah tersiri daripada Tahap 2 (*Basic*), Tahap 3 (*Competent*), Tahap 4 (*Proficient*) dan Tahap 5 (*Expert*). Sijil-sijil pengiktirafan adalah seperti berikut:

- a. Kompetensi Senibina Landskap Tahap 2-**Sijil SLK2**
- b. Kompetensi Senibina Landskap Tahap 3-**Sijil SLK3**
- c. Kompetensi Senibina Landskap Tahap 4-**Sijil SLK4**
- d. Kompetensi Senibina Landskap Tahap 5-**Sijil SLK5**

4.0 Skop Pengetahuan dan Pengalaman

Calon-calon yang memohon pensijilan adalah dijangka mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang bersesuaian bagi memohon tahap pensijilan

mengikuti kompetensi yang layak. Skop pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk kelayakan mendapat pensijilan ialah:

- i. Mengenali kriteria spesies tumbuhan yang biasa digunakan dalam reka bentuk seperti bentuk sesuatu tumbuhan, tempoh matang dan kegunaan tumbuhan tersebut, cara penanaman, penjagaan, jangka hayat sesuatu tumbuhan.
- ii. Memahami keadaan semulajadi sesuatu persekitaran tapak projek bagi mengelak dari memudaratkan persekitaran.
- iii. Berpengetahuan dalam mengenal pasti ekosistem persekitaran yang mempengaruhi persekitaran kawasan tersebut selain tumbuhan seperti haiwan, cuaca, mukabumi dan sebagainya.
- iv. Memiliki pengetahuan asas dalam rekabentuk jalan, rekabentuk kolam tadahan, sistem perparitan, sistem pengurusan air ribut, kumbahan dan *cut and fill*.
- v. Mahir dalam dasar dan polisi landskap semasa serta apa-apa kriteria penarafan hijau semasa seperti GBI, MyCREST dan PhJKR.
- vi. Mahir dalam perundangan dan pentadbiran kontrak yang melibatkan landskap.

5.0 Syarat-syarat Permohonan

Calon-calon yang berminat boleh memohon mana-mana tahap pensijilan yang telah dinyatakan dengan memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan mengikut kompetensi yang dipohon.

5.1 Syarat Permohonan Tahap 2

Bagi permohonan tahap ini, calon-calon mesti memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Memegang jawatan minimum JA17.
- ii. Hadir dengan jayanya kursus Tahap 2.

5.2 Syarat Permohonan Tahap 3

Bagi permohonan tahap ini, calon-calon mesti memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Memegang jawatan minimum JA22.
- ii. Hadir dengan jayanya semua kursus Tahap 3 (Pengecualian kursus Tahap 2 dan 3 kepada pemegang ijazah Sarjana Senibina Landskap atau telah berkhidmat selama 10 tahun di dalam bidang berkaitan atau Ijazah Sarjana berkaitan-tertakluk kepada kelulusan panel).
- iii. Telah mendapat pensijilan Tahap 2.

5.3 Syarat Permohonan Tahap 4

Bagi permohonan tahap ini, calon-calon mesti memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Memegang jawatan minimum Penolong Pegawai Senibina JA29.
- ii. Mempunyai pengalaman terlibat dalam sekurang-kurangnya 2 projek yang melibatkan landskap bangunan atau taman awam tanpa mengira apa-apa peringkat.
- iii. Menyumbang kepakaran sebagai tenaga pengajar di dalam bidang berkaitan.
- iv. Hadir dengan jayanya semua kursus Tahap 4 (Pengecualian kursus Tahap 2, 3 dan 4 kepada pemegang ijazah Kedoktoran berkaitan senibina landskap atau pegawai yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam mengendalikan projek-projek yang melibatkan landskap bangunan atau taman awam).
- v. Telah mendapat Pensijilan Tahap 3.

5.4 Syarat Permohonan Tahap 5

Bagi permohonan tahap ini, calon-calon mesti memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Memegang jawatan minimum Arkitek J44.
- ii. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun (untuk PhD) atau 5 tahun (untuk Sarjana) atau 10 tahun (untuk Sarjana Muda) di dalam projek yang melibatkan landskap bangunan atau taman awam tanpa mengira apa-apa peringkat.
- iii. Terlibat dalam penerbitan artikel, garis panduan, dokumen rujukan dan kertas-kertas kerja jabatan serta jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan senibina landskap.
- iv. Menyumbang kepakaran sebagai tenaga pengajar di dalam bidang berkaitan.
- v. Pernah membentangkan kertas kerja projek atau penyelidikan mengenai bidang kepakaran.
- vi. Menyumbangkan kepakaran dengan memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan bidang kepakaran samaada di dalam atau di luar jabatan.
- vii. Hadir dengan jayanya semua kursus Tahap 5.
- viii. Telah mendapat Pensijilan Tahap 4.

6.0 Kaedah Penilaian

Kaedah Penilaian adalah terbahagi kepada 3 bahagian mengikut pecahan pemarkahan yang telah ditetapkan iaitu:

Kaedah Penilaian	Markah (%)			
	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Penilaian Semasa Kursus	100	100	-	-
Penilaian Pengalaman Kerja	-	-	50	50
Temuduga	-	-	50	50
Jumlah keseluruhan	100	100	100	100

Calon-calon perlu mendapatkan markah keseluruhan sekurang-kurangnya 50% markah untuk lulus di dalam sesi penilaian ini. **Calon yang telah memiliki Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah atau pegawai yang berkhidmat melebihi 10 tahun di dalam bidang berkaitan boleh dipertimbangkan** (rujuk syarat permohonan). Pegawai yang mendapat pertimbangan ini boleh membuat permohonan serentak bersekali dengan tahap kompetensi yang diberi khas dan tahap kompetensi lanjutan yang dipohon.

7.0 Senarai Kursus

Bagi memastikan bahawa calon-calon telah dilatih secara terancang dan sistematik, maka mereka perlu menyertai kursus teknikal yang dikategorikan sebagai wajib bersesuaian dengan tahap pensijilan yang dipohon. Kursus-kursus bagi tajuk yang hampir sama dan dikendalikan oleh pihak luar atau swasta, boleh dipertimbangkan dan bergantung kepada kurikulum kursus berkaitan. Kursus-kursus berkaitan yang pernah dihadiri 3 tahun terdahulu dari tarikh iklan pensijilan boleh diambil kira dalam permohonan. Kursus-kursus wajib adalah seperti berikut:

Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
KURSUS PENGENALAN SENIBINA LANDSKAP	KURSUS PENYELIAAN DAN PENYELENGARAAN LANDSKAP	Mana-mana kursus anjuran swasta yang berkaitan yang diluluskan oleh panel penilai	Mana-mana kursus anjuran swasta yang berkaitan yang diluluskan oleh panel penilai
2 Hari	2 Hari	Minimum 3 Hari	Minimum 3 Hari

8.0 Cara Memohon

Permohonan yang telah lengkap dan disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah dihantar kepada Urusetia Program Pensijilan di alamat seperti berikut:

Urusetia,
Program Pensijilan Arkitek JKR,
Bahagian Pembangunan Disiplin Arkitek,
Cawangan Arkitek,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 11, No. 25, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Atau,

Alamat terkini yang dinyatakan semasa iklan.

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan boleh dikemukakan melalui emel atau telefon kepada pegawai penyelaras seperti berikut:

Wan Norhayati binti Wan Abdul Ghani

Tel: 03-26165181

Emel: wnorhayati.jkr@1govuc.gov.my

9.0 Senarai Semak Permohonan

Berikut adalah dokumen-dokumen yang perlu dihantar kepada urusetia mengikut tahap pensijilan yang dipohon:

Bil.	Dokumen yang diperlukan	Tahap pensijilan			
		2	3	4	5
1.	Borang Permohonan (BorangP-Jan17)	•	•	•	•
2.	Salinan sijil kursus	•	•	•	•
3.	Penilaian Pengalaman Kerja (BorangPPK-Jan17)			•	•
4.	Surat lantikan sebagai tenaga pengajar			•	•
5.	Salinan kertas kerja atau sijil pembentangan				•
6.	Bukti penerbitan dokumen rujukan/ lantikan jawatankuasa teknikal berkaitan bidang				•
7.	Bukti khidmat rundingan teknikal				•

10.0 Kamus panduan pengisian borang

a. Pengalaman Kerja di dalam borang permohonan

Bahagian ini mengkehendaki pemohon untuk mengisi pengalaman kerja secara ringkas sahaja mengenai peranan dan tanggungjawab sekiranya pengalaman tersebut tidak berkaitan dengan bidang kompetensi yang dipohon. Tidak perlu masukkan senarai semua projek yang dibuat, kecuali projek-projek yang berkaitan yang menunjukkan peranan dan tanggungjawab pemohon di dalam bidang kompetensi yang dipohon seperti yang ditetapkan di dalam syarat permohonan. Salah satu contoh syarat permohonan ; Terlibat dalam rekabentuk minimum 5 cadangan projek fasiliti kesihatan (minimum 3 klinik kesihatan atau 5 '*any clinical departments in the hospital*').

b. Kertas Kerja

Hanya kertas kerja penyelidikan atau projek sahaja yang diterima. Pembentangan hasil bengkel, kursus atau mesyuarat adalah bukan kertas kerja. Kertas kerja perlulah melalui sekurang-kurangnya peringkat peer review dan dimasukkan ke dalam mana-mana jurnal atau prosiding atau kertas kerja yang dibentangkan di dalam mana-mana seminar/ persidangan di peringkat jabatan.

c. Penilaian Pengalaman Kerja

Borang bertindak sebagai buku laporan terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab pemohon dalam bidang berkaitan yang dipohon. Pemohon perlu menyatakan dengan terperinci skop pengalaman dan pengetahuan di dalam pelaksanaan projek terhadap setiap satu perkara yang dikehendaki di dalam borang tersebut bagi memudahkan penilaian dibuat.

d. Ketua Jabatan

Keutamaan untuk membuat perakuan untuk menyokong permohonan pegawai ialah Ketua di bahagian tempat bertugas yang bertanggungjawab untuk menyelia peranan dan tanggungjawab pemohon.

e. Urusetia

Bahagian yang akan menerima dan memproses permohonan daripada pegawai seperti alamat yang tertera di dalam modul pensijilan.

f. Pegawai penyelaras

Pegawai dari bahagian urusetia yang bertanggungjawab untuk memproses kelayakan setiap permohonan daripada pegawai.



Jabatan Kerja Raya Malaysia
PROGRAM PENSIJILAN ARKITEK

BORANG PERMOHONAN
(Sila isi mengikut syarat permohonan tahap yang berkenaan sahaja)

(Gambar saiz pasport)

BAHAGIAN I: BUTIRAN PEMOHON

Nama pemohon				
No. Kad Pengenalan				
Alamat tempat bertugas				
No. Telefon pejabat				
No. Fax				
Alamat Emel				
No. Telefon bimbit				
Jawatan dan Gred				
Kelayakan Akademik Tertinggi				
Kelayakan Profesional				
Pendaftaran badan profesional				
Tarikh lantikan pertama				
Tempoh perkhidmatan tetap di JKR				
Kompetensi (Bidang dipohon)				
Kategori pensijilan yang dipohon (sila tandakan \checkmark satu sahaja)	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5



Jabatan Kerja Raya Malaysia
PROGRAM PENSIJILAN ARKITEK

BAHAGIAN II: PENGALAMAN KERJA BERKAITAN KOMPETENSI (Dari mula bertugas sehingga kini)		
Tahun berkhidmat	Tempat bertugas	i. Peranan dan tanggungjawab ii. Senarai projek terlibat (nyatakan komponen pembangunan dan peringkat penglibatan bagi setiap projek yang terlibat)



Jabatan Kerja Raya Malaysia
PROGRAM PENSIJILAN ARKITEK

BAHAGIAN III: KEHADIRAN KURSUS BERKAITAN KOMPETENSI		
Tarikh	Tempat	Kursus berkaitan kompetensi sahaja yang dihadiri sama ada dalaman atau swasta (sila sertakan sijil berkaitan)
BAHAGIAN IV: PEMBENTANGAN KERTAS KERJA BERKAITAN KOMPETENSI (Dari peringkat cawangan, jabatan, dalam dan luar negara)		
Tarikh	Nama seminar dan Tempat	Tajuk kertas kerja (sila sertakan salinan kertas kerja atau sijil sebagai pembentang)



Jabatan Kerja Raya Malaysia
PROGRAM PENSIJILAN ARKITEK

BAHAGIAN V: KHIDMAT PERUNDINGAN BERKAITAN KOMPETENSI (Keahlian jawatankuasa atau memberikan input teknikal berkaitan kompetensi samaada secara lisan, bertulis atau elektronik yang direkodkan secara sistematik)		
Tarikh	Perkara yang dirujuk	Khidmat nasihat teknikal yang diberikan
BAHAGIAN VI: SUMBANGAN TENAGA PENGAJAR BERKAITAN KOMPETENSI (pernah mengajar kursus di peringkat cawangan, jabatan, dalam atau luar negara)		
Tarikh	Nama kursus dan tempat	Subjek yang diajar
BAHAGIAN VII: PENERBITAN DOKUMEN RUJUKAN BERKAITAN KOMPETENSI (pernah menghasilkan atau menyumbang di dalam penerbitan dokumen rujukan yang boleh dirujuk oleh semua pegawai di peringkat cawangan dan jabatan)		
Tahun terbitan	Tajuk dokumen	Bahagian yang terlibat
BAHAGIAN VIII: PERAKUAN PEMOHON		



Jabatan Kerja Raya Malaysia
PROGRAM PENSIJILAN ARKITEK

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberi dalam borang permohonan ini serta dokumen sokongan adalah benar dan saya telah menepati semua syarat kelayakan yang ditetapkan bagi pensijilan yang dimohon.

Tarikh	
Tandatangan pemohon	

BAHAGIAN VIV: PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya menyokong / tidak menyokong permohonan pegawai ini

Tarikh	
Tandatangan Ketua Jabatan	
Cop rasmi Jabatan	

BAHAGIAN X: UNTUK KEGUNAAN URUSETIA

Permohonan diterima		Pegawai penyelaras (pegawai yang memproses permohonan): Tandatangan: Tarikh:
Permohonan ditolak		
Sebab-sebab penolakan:		
Dokumen tidak lengkap		
Lewat diterima		
Maklumat tidak tepat		
Tiada sokongan ketua jabatan		
Lain-lain: Nyatakan.....		



Jabatan Kerja Raya Malaysia

Penilaian Pengalaman Kerja Senibina Landskap

BORANG PENILAIAN PENGALAMAN KERJA (50%)					
Nama pemohon					
Kompetensi	Senibina Landskap				
Tahap	4 / 5 (sila potong yang tidak berkenaan)				
Nama projek					
KRITERIA PENILAIAN PENGALAMAN					
No.	Keterangan terperinci tugas dan tanggungjawab untuk penilaian. Sila sertakan dokumen sokongan dalam bentuk lampiran berasingan beserta nombor rujukan untuk memudahkan rujukan panel penilai.	Skor (untuk diisi oleh pegawai penilai)			
		1	2	3	4
1.	Penyediaan brif skop kerja landskap (sila terangkan skop kerja anda disini)				
2.	Penyediaan rekabentuk landskap (sila terangkan skop kerja anda disini)				
3.	Penyeliaan tapak (sila terangkan skop kerja anda disini)				
4.	Penyelenggaraan kerja landskap (sila terangkan skop kerja anda disini)				
Jumlah purata					/100%
Jumlah keseluruhan					/50%
Skala pemarkahan: 1= 25%: Mempunyai pengalaman yang masih belum mencukupi 2= 50%: Mempunyai pengalaman yang sederhana cukup dan perlu ditambahbaik 3=75%: Mempunyai pengalaman yang mencukupi tetapi masih ada aspek yang perlu untuk penambahbaikan 4= 100%: Berpengalaman sepenuhnya					
PERAKUAN PEGAWAI PENILAI					
Saya mengesahkan bahawa pemohon adalah LAYAK/TIDAK LAYAK untuk dipertimbangkan permohonannya. Jika tidak layak, sila nyatakan sebab:					
Tarikh					
Nama					
Tandatangan					